

Ini puncanya

Longkang lama penyebab banjir berulang



Rafie menunjukkan longkang tertutup yang sebahagiannya dipenuhi mendapan lumpur.

NORAFIZA JAAFAR

BATU ARANG - Masalah sistem saliran bawah tanah didakwa punca berlakunya banjir lumpur di Pekan Batu Arang kerap berulang.

Setiasaha JKKK Batu Arang, Rafie Yob berkata, kepadatan penduduk dan rizab sungai turut diduduki menyebabkan sistem saliran tidak dapat menampung kuantiti air sekiranya hujan lebat melebihi dua jam.

Menurutnya, pihaknya mencadangkan supaya sistem saliran bawah tanah dinaik taraf kepada sistem terbuka untuk memudahkan penyelenggaraan.

"Sistem saliran bawah tanah dianggar sepanjang 500 meter bukan sahaja kecil tetapi dipenuhi sisa lumpur, pasir dan sampah. Inilah yang mengganggu kelancaran air.

"Kali terakhir sistem saliran dinaik taraf tahun 2000 yang kemudiannya digantikan dengan longkang terbuka tetapi tidak sempurna dan banjir lumpur berulang," katanya kepada *Sinar*

Harian, semalam.

Beliau bercadang memanjangkan masalah itu kepada Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) supaya peruntukan dapat dikeluarkan untuk membina longkang terbuka.

"Longkang tertutup perlu dibersihkan untuk melancarkan perjalanan air dan mengelak banjir. Tapi untuk jangka masa panjang, semua sistem longkang tertutup perlu ditukar kepada sistem terbuka," katanya.

Seorang peniaga, Hasmah Ahmad, 55, memberitahu pendapatannya terjejas setiap kali banjir berulang kerana perlu menghabiskan masa sekurang-kurangnya dua jam untuk membersihkan lumpur.

"Biasanya air naik sampai setengah meter. Air tetap masuk dalam kedai walaupun dah bina longkang.

"Bila banjir, kemalangan pun banyak sebab kenderaan tak nampak jalan yang berlubang atau longkang," katanya yang turut berharap isu sistem saliran segera diberi perhatian.



Rafie menunjukkan pelan struktur Batu Arang kepada Hasmah dan salah seorang penduduk.